

TAHUN MELAWAT PAHANG 2017

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَ لَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠٤﴾ وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٢٠٥﴾

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangannya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Dalam sejarah Islam, pengembaraan atau rehlah telah bermula sejak zaman dahulu lagi. Umat Islam telah meneroka dan mengembara keluar dari daerah atau negeri mereka dengan pelbagai tujuan antaranya ialah untuk menjalankan urusan jual beli, mencari kerja, menjalin hubungan diplomatik, berdakwah, menuntut ilmu dan sebagainya.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam sendiri pernah mengembara semasa hayatnya. Ketika muda, Rasulullah sallallahu alaihi wasallam mengembara sampai ke Syam untuk berniaga barang-barang dagangan milik Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid. Semasa menjadi pemerintah, Rasulullah saw menggalakkan para sahabat baginda merantau untuk belajar bahasa-bahasa asing seperti bahasa pertuturan orang Habsyah, bahasa Parsi, bahasa Ibrani, bahasa Romawi dan sebagainya. Ulama besar, Imam al-Ghazali banyak menimba ilmu daripada pengembaraan beliau ke serata tanah Arab termasuk Hijjaz, Damsyik dan Jerussalem. Dalam sejarah peradaban dunia, tokoh Islam bernama Ibnu Batutah yang berasal dari Maghribi diiktiraf sebagai pengembara terhebat apabila menjelajah ke serata dunia hingga sejauh 117,000 kilometer dalam tempoh hampir 30 tahun.

Mengembara atau melancong tidak dilarang dalam Islam bahkan amat digalakkan. Dalam Islam, tujuan utama melancong adalah untuk melihat, berfikir dan mengambil iktibar. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Hajj ayat 46:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: *Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya – dengan melihat kesan-kesan yang tersebut – akan tergerak hati mereka untuk memahaminya, atau telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (tetapi kalaulah mereka mengembarapun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.*

Melancong dan mengembara memberi peluang kepada kita untuk melihat keindahan alam. Dengan penghayatan yang mendalam terhadap keindahan ciptaan Yang Maha Esa, iman kita sepatutnya lebih bertambah dan rasa syukur menjadi lebih menebal.

Berjalan, meneroka atau melawat sesuatu tempat merupakan suatu proses pembelajaran yang disebut berkali-kali dalam al-Quran. Misalnya dalam Surah al-An'am ayat 11, Allah Subhanahu wa Taala berfirman:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنْظِرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah: "Mengembaralah di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang yang mendustakan (rasul-rasul) itu."*

Allah Subhanahu wa Taala juga berfirman dalam Surah al-Naml ayat 69:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang yang berdosa itu."*

Imam Shafie pernah mengarang sebuah syair yang menggalakkan kita keluar mengembara. Antara lain beliau menukilkan sebuah bait yang bermaksud:

"Sang singa jika tidak meninggalkan tempatnya, ia tidak akan dapat membaham mangsa. Anak panah pula jika tidak meninggalkan busurnya, ia tidak akan mengenai sasarannya."

Sesungguhnya pengembaraan atau pelancongan boleh menjadi ibadah sekiranya kita melaksanakannya selari dengan kehendak syariat. Sekiranya pelancongan dicampur-adukkan dengan unsur maksiat, maka hukumnya menjadi haram.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Negeri Pahang Darul Makmur mempunyai kesan peninggalan sejarah yang bernilai termasuk warisan-warisan Islam. Pahang adalah antara negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Ia memiliki pelbagai warisan yang boleh dipelajari secara dekat seperti artifak-artifak sejarah, rekaan senibina dan manuskrip-manuskrip lama. Hukum Kanun Pahang misalnya merupakan salah satu warisan Islam yang amat bernilai. Ia menjadi bukti bahawa kerajaan Pahang dahulu kala telah menjalankan pemerintahan Islam dan mengguna pakai undang-undang berteraskan syariah. Penemuan batu nisan bertarikh 419 Hijrah bersamaan tahun 1028 Masihi di daerah Pekan membuktikan Islam telah bertapak lebih awal di Pahang. Ini merupakan antara contoh produk pelancongan yang dapat menambah pengetahuan para pelancong yang berkunjung.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sempena Tahun Melawat Pahang 2017, ramai tetamu terdiri daripada pelancong tempatan mahupun antarabangsa akan berkunjung ke negeri ini. Selaku tuan rumah, maka jadikanlah masjid salah satu daripada lokasi untuk dilawati dan programkan lawatan itu supaya dapat menunaikan solat berjemaah apabila masuk waktu solat.

Sambutlah tetamu dengan layanan yang baik serta senyuman serta menjaga adab dan memuliakan tetamu dan tunjukkanlah kita adalah masyarakat Islam yang menjadi contoh kepada para pelancong. Jagalah kebersihan persekitaran sama ada premis perniagaan mahupun kediaman

supaya tetamu tidak melihat pemandangan yang tidak enak atau terhidu bau yang kurang menyenangkan. Sekiranya kita seorang peniaga, janganlah meletakkan harga yang melampau kepada pelancong. Jika kita pemandu kenderaan awam, pandulah secara berhemah demi keselamatan semua penumpang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ

النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: *Dialah yang menjadikan bumi ini mudah digunakan bagi kamu, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya dan makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Allah. (Ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) bangkit hidup semula.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.